



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : JANUARI / 4 / 2025

M/S : 3

Usaha Kerajaan Perpaduan perkasa tatakelola hasilkan kejayaan: PM

Tiada skandal atau kes besar boleh dipalitkan kepada pentadbiran dalam dua tahun

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan usaha Kerajaan Perpaduan memperkasakan tatakelola pada pelbagai peringkat sebagai satu kejayaan berikutan tiada skandal atau kes besar boleh dipalitkan kepada kerajaan dalam tempoh dua tahun ini.

Perdana Menteri berkata, dalam tempoh itu, kerajaan pimpinanannya menjalankan proses tender yang telus hingga tiada skandal besar berlaku.

"Sementara kita tekankan soal tatakelola, yang saya anggap sebagai satu kejayaan, orang banyak bercerita mengenai kes lama dan saya nak sebut dalam tempoh dua tahun ini, saya syukur kepada Allah kerana kita menjalankan proses tender yang telus dan tidak ada satu pun skandal besar diungkapkan dalam tempoh dua tahun ini.

"Bagi saya ini kejayaan yang lebih besar. Kita ada kepercayaan dan tidak boleh menyelesaikan semua masalah, negara ini negara hukum (ada undang-undang) dan kita harus mengambil keputusan berdasarkan tatakelola yang baik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat Tahun Baharu 2025 dalam perjumpaan bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di

sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

Sehubungan itu, Anwar mengingatkan penjawat awam supaya tidak terheret dengan hiruk-pikuk perbincangan oleh pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab.

Sebaliknya, beliau berkata, penjawat awam perlu memberikan tumpuan usaha membangunkan Malaysia supaya menjadi negara hebat di rantau ini.

"Saya mahu penjawat awam mempunyai satu ketetapan bahawa tugas kita ialah melonjakkan ekonomi dan prestasi negara, kecekapan dan keseriusan kita.

"Percayalah beri satu dua tahun, kalau semangat sebegini, pengiktirafan sebegini rupa dan kesatuan semangat kita, saya percaya kita akan saksikan Malaysia sebagai negara hebat di rantau ini, saya yakin," katanya.

Geri keadab baharu

Mengulas lanjut mengenai tatakelola, Anwar mahu pimpinan kerajaan mencari kaedah baharu memastikan proses birokrasi ditangani sebaiknya.

"Kalau KSN kata daripada menunggu berbulan untuk mendapat kelulusan, kita sekarang dapat catat dalam beberapa minggu, maka tujuan yang berikutnya adalah untuk mengurangkan beberapa minggu kepada satu minggu.

"Apakah ini mungkin? Saya percaya mungkin. Ini yang menjadi cabaran buat kita. Apakah perlu rakyat kita beratur berjajanan atau mengambil cuti sehari hanya untuk mendapat atau perbaharui lesen, atau hal ini boleh dilakukan melalui proses disebut transformasi digital," katanya.



Anwar menyampaikan amanat pada Majlis Perjumpaan Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) Bagi Bulan Januari Tahun 2025 dan Amanat Tahun Baharu 2025 di Putrajaya, semalam. Turut hadir Ahmad Zahid, Shamsul Azri dan Wan Ahmad Dahlan. (Foto BERNAMA)

Sementara itu, Perdana Menteri mahu setiap penjawat awam termasuk pegawai rendah diberikan ruang menyampaikan pandangan dan idea dalam mesyuarat di jabatan kerajaan.

"Saya menekankan perkara ini berkali-kali untuk mengharapkan setiap jabatan, sekecil mana pun, mula tahun ini, minggu berikutnya, beri ruang kepada semua berbicara.

"Mesyuarat ini bukan mesyuarat dalam kalangan peringkat tertinggi. Tidak ada sebab seorang anggota perkhidmatan awam tidak terabit dalam mana-mana pertemuan. Ingatlah, setiap jabatan harus pastikan setiap anggota itu terabit," katanya.

Justeru, beliau berharap KSN dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dapat merangka kaedah memberi ruang kepada

setiap anggota penjawat awam menyuarakan pandangan mereka.

"Kita ada 1.6 juta (penjawat awam), apa tidak boleh membatik mereka? Beri ruang dalam satu tahun, dua ke tiga minit untuk seorang berbicara," katanya.

Beliau turut mengarahkan latihan dalam kalangan penjawat awam diperluaskan kepada kakitangan pelbagai peringkat khususnya membabitkan pegawai muda mulai tahun ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga sanggup berbelanja menyediakan peruntukan tambahan bagi memastikan penjawat awam berkenaan menjalani latihan sewajarnya.

"Ruang untuk memberi latihan dan peluang kepada penjawat awam, terutama dalam kalangan muda, harus diberikan sepenuh-

nya, dari segi kecekapan, dari segi AI (kecerdasan buatan), digital, perubahan tenaga kerana saya mahu dalam masa beberapa tahun keupayaan kita, mengatasi keupayaan konsultan (luar) yang ada.

"Sekiranya diberikan latihan tambahan dan saya sudah minta kalau perlu RM100 juta, RM200 juta (peruntukan) tambahan, hanya untuk memberikan latihan intensif," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, Jemaah Menteri Kerajaan Perpaduan akan melaksanakan sesi pemukiman kali ketiga dalam tempoh terdekat.

Katanya, sesi pemukiman itu bukan untuk menceritakan kejayaan masing-masing, sebaliknya menjadi platform anggota Kabinet memperbaiki kelemahan yang ada.